



Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
2009

RASUAH

MEMBAWA PADAH!

Marilah bersama menegakkan integriti, ketelusan dan akauntabiliti untuk masyarakat yang lebih adil dan saksama.



APA ITU RASUAH?

Rasuah merujuk kepada sebarang tindakan yang melibatkan penyalahgunaan kuasa atau kedudukan untuk kepentingan peribadi. Ia boleh melibatkan pemberian atau penerimaan suapan dalam bentuk wang, hadiah, atau faedah lain.



CONTOH KESALAHAN RASUAH

Penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah, diskaun.

INFO LANJUT



MEMINTA/MENERIMA RASUAH

Seseorang atau ejen yang meminta/menerima suapan (rasuah) sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara.



MENAWAR/MEMBERI RASUAH

Seseorang menawarkan atau memberi rasuah kepada ejen atau pegawai awam sebagai balasan untuk tindakan berkaitan tugas mereka.



MEMBUAT TUNTUTAN PALSU

Seseorang mengemukakan dokumen palsu, seperti pesanan kerajaan atau invois, dengan niat untuk menipu majikan atau pejabat.




MENGGUNAKAN KEDUDUKAN/JAWATAN UNTUK SUAPAN

Pegawai badan awam menggunakan kedudukannya untuk membuat keputusan atau tindakan yang melibatkan kepentingan peribadi, keluarga, atau sekutunya.

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) (Akta 694)

- 01** Meminta/Menerima rasuah
[Seksyen 16 & 17(a) Akta SPRM 2009]
- 02** Menawar/Memberi suapan
[Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009]
- 03** Mengemukakan tuntutan palsu
[Seksyen 18 Akta SPRM 2009]
- 04** Menggunakan jawatan/kedudukan untuk suapan pegawai badan awam
[Seksyen 23 Akta SPRM 2009]




PENGUATKUASAAN

Strategi penguatkuasaan adalah salah satu daripada tiga strategi utama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menurut Seksyen 7 Akta SPRM 2009. Selain itu, strategi ini juga merangkumi pengendalian kes-kes perbicaraan yang berada di bawah tanggungjawab Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi).

Antara peranan penting adalah:

- menjalankan siasatan
- mengumpul maklumat
- memberikan bantuan forensik
- memproses dan menguruskan maklumat



ANDA DILINDUNGI

Masyarakat tidak perlu gentar untuk membantu membanteras kes rasuah. SPRM sentiasa memastikan kerahsiaan maklumat yang diberikan dan **PEMBERI MAKLUMAT** adalah dilindungi serta tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak dalam apa jua keadaan.



Anda boleh lakukan perubahan,
PERANGI RASUAH



PEMBERI MAKLUMAT adalah orang yang membuat pendedahan tentang jenayah rasuah berdasarkan pengetahuannya. Mereka dilindungi di bawah Seksyen 65 Akta SPRM 2009.



PEMBERI MAKLUMAT boleh dilindungi di bawah **Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010**.



PEMBERI MAKLUMAT yang menjadi SAKSI bagi sesuatu kes rasuah dilindungi di bawah **Akta Perlindungan Saksi 2009**.

GAGAL MELAPOR



DENDA

PENJARA

Gagal melapor pemberian, janji atau tawaran rasuah di bawah Seksyen 25 (1) dan (2) Akta SPRM 2009

Tidak lebih RM100,000

Tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali



DENDA

PENJARA

Gagal melapor permintaan atau memperoleh suapan di bawah Seksyen 25 (3) dan (4) Akta SPRM 2009

Tidak lebih RM10,000

Tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali



IMPAK RASUAH KEPADA MASYARAKAT



**Merugikan ekonomi
negara**

Pembaziran dana awam.



**Merosakkan sistem
pemerintahan**


Mengurangkan
kepercayaan rakyat.



**Menggalakkan
ketidakadilan**

Menyebabkan golongan miskin
dan lemah tertindas.

CARA MELAPOR JENAYAH RASUAH



Datang ke mana-
mana pejabat SPRM

ATAU

Mengirim surat ke
Peti Surat 6000
(tanpa setem)



Hubungi pejabat
SPRM

Talian Bebas Tol:
1-800-88-600
SMS: **019-6000 696**



Email:

info@sprm.gov.my

ATAU

Layari Portal SPRM
(Sistem Pengurusan
Aduan)




Hubungi
mana-mana
Pegawai SPRM

SUMBER:

 https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=478

 https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=423

 <https://www.slideshare.net/slideshow/8sprmrasuahppt/257198152#26>





TERIMA KASIH